

[< Go back to Article Page](#)[Print Article](#)

Pesilat tamat berguru dirai dalam majlis

BERITA HARIAN, 27 June 2003, Page 25

Pesilat tamat berguru dirai dalam majlis

OLEH

ARIF ZAHARI

M AJLIS khataman silat diadakan mulai 10 pagi.

Para undangan duduk di kerusi keliling gelanggang, selapis atau dua lapis bergantung kepada ramainya para undangan yang hadir. Tiada tatacara atau rancangan tertentu di majlis-majlis seumpama ini.

Di kampung mana pun diadakan, caranya lebih kurang sama.

Tetapi, yang pasti istiadat membaca doa membuka gelanggang mesti diadakan.

Selepas itu mereka pun bermainlah secara bebas bergilir-gilir seperlunya tanpa menggunakan khidmat juruacara.

Istiadat membuka gelanggang biasanya diserahkan oleh guru tuan rumah kepada guru lain yang lebih tua sebagai penghormatan. Beliau jugalah yang menjadi ketua gelanggang sepanjang hari.

Seterusnya, barulah guru-guru lain turun ke gelanggang bergilir-gilir menunjukkan langkah pencak mereka.

Kadangkala semasa membuka dan menunjukkan langkah, tiba-tiba ada pula guru lain, sahabatnya tercegat di hadapan membuat lelucon mengajak bermain.

Pelbagai gelagat mereka bermain pencak silat. Kelucuan seperti itu sudah tidak asing dalam majlis-majlis seperti ini dalam rangka untuk memeriahkan suasana.

Undangan bermain pencak di gelanggang yang bersifat lelucon seperti itu biasanya disambut dengan cara yang sama, di mana pemencak yang sedang bermain itu membuat gerak lucu seolah-olah melarikan diri.

Kadang-kadang sehingga keluar gelanggang berdiri di jalanan dengan rupa pura-pura ketakutan yang amat sangat.

Namun sebentar kemudian, keluar seorang dua guru silat teman-temannya seolah-olah memujuk. Apabila yang dipujuk melakonan pula sikap membentak-bentak, maka mungkin saja ia akan diusung masuk semula ke gelanggang oleh teman-temannya itu.

Bagaimanapun, semuanya itu adalah adegan babak kelakar pencakan yang sengaja dibuat-buat tanpa direncanakan terlebih awal.

Banyak lagi kelucuan lain yang mereka lakukan untuk bersuka-suka sambil menghiburkan penonton di luar gelanggang dan di jalanan.

Sebenarnya, tujuan diadakan keramaian khataman pencak silat seperti ini adalah sebagai pengumuman atau makluman.

Pak guru secara tidak langsung memberitahu teman-teman sepersilatannya bahawa sebuah lagi kursus silatnya telah ditamatkan.

Ia juga bertujuan merapatkan tali silaturahmi antara guru-guru pencak silat setempat sambil memberi mereka peluang berkumpul dan berinteraksi.

Inilah juga masanya pesilat-pesilat muda yang baru lulus mencuba kebolehan daripada apa yang telah mereka pelajari selama ini di dalam gelanggang.

Dalam majlis seumpama itu, pertunjukan permainan pencak silat dijalankan secara adu bebas. Kecuali guru-gurunya, pesilat-pesilat muda tidak mengenali antara satu dengan lain.

Selain adegan-adegan babak lucu, pertunjukan permainan dibuat secara bergilir-gilir, terutama oleh para guru. Apabila gelanggang lenggang, seorang guru atau pesilat akan turun membuka langkah sebagai undangan hormat kepada para

pesilat lain yang ingin turun bermain.

Adakalanya selepas membuka langkah, pesilat akan membuat langkah undangan hormat kepada sahabatnya sendiri untuk turun bermain. Undangan seperti itu mesti disambut oleh sahabatnya juga dengan hormat lalu mereka bermain sama.

Permainan silat oleh para guru agak berlainan dengan pesilat-pesilat muda. Guru-guru bersilat banyak menunjukkan gerak-gerak seni dalam persilatan dengan cara teliti dan membuat gerak dengan perlahan dan sopan.

Sepertinya, guru-guru itu tidak bersungguh-sungguh dalam permainannya, serangan kencang diperlahankan apabila tiba ke sasarannya.

Lantas ditangkis oleh pasangannya juga dengan cermat dan teliti dalam gerak perlahan memperlihatkan cara dan seninya. Semua itu dilakukan sebagai contoh dan pengajaran kepada pesilat-pesilat muda. Cara mereka bermain jelas menunjukkan gaya pendekar berpengalaman menunjukkan seni pencak silat.

Diterangkan juga oleh para guru pencak silat mapan zaman itu bahawa seni pencak silat punya adat istiadatnya sendiri semasa membuat pertunjukan mengikut keadaan dan tempatnya. Ia berbeza daripada gerak-gerak pertarungan sebenar, antaranya yang penting menurut mereka adalah; ketika membuat silat sembah.

Silat sembah, iaitu; silat alu-aluan yang dibuat untuk penghormatan kepada pembesar, dif-dif kehormat, pengantin dan yang sepatutnya mestilah dilakukan dengan cermat, penuh hormat dan lembut.

Antara larangan yang penting dalam silat sembah ialah; pesilat tidak boleh membuat gerak membelakangi yang disembah, tetapi semestinya membuat langkah mengundur diri perlahan-lahan dengan sopan.

Begitu juga apabila membuat gerak sepakan dan tangkisan lipat, semuanya dibuat tanpa bunyi. Gerak-gerak ini dibuat juga sebagai syarat adanya gerak-gerak itu dalam langkah yang dilakukan.

Gerak-gerak kasar dan lasak serta menunjuk-nunjuk sangat dilarang. Demikianlah juga halnya apabila dibuat di tempat-tempat keramaian yang mempunyai ruang yang sangat terhad. Tiada salahnya jika ditunjukkan di tempat-tempat umum yang luas sebagai satu acara pertunjukan khas pencak silat bera- mai-ramai.

Justeru itulah guru-guru silat yang berpengalaman selalu bermain pencak silat pertunjukkan dengan cara yang sopan tetapi penuh dengan gerak geri seninya. Menurut mereka, permainan kasar lasak yang tidak kena pada tempat dan keadaannya itu menunjukkan pesilatnya kurang pengalaman.

Namun, pada para pesilat muda, yang penting mesti menunjukkan kepandaian dan ketangkasan. Tingkah laku beginilah yang selalu memicu pertelingkahan dan pergaduhan dan mencemar majlis.

Nota: Penulis ialah guru pesara, pandai pelbagai kerja tangan dan kurator Muzium Melayu Mini Kelab Masyarakat Kampong Ubi.



Memberi penghormatan: Silat untuk memberi penghormatan kepada pembesar, dif-dif kehormat dan pengantin dilakukan dengan cermat, penuh hormat dan lembut.

FOTO: FAIL